

AMK dakwa Pusat tiada hak pertikai Unisel

18 April 2012 (<http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/amk-dakwa-pusat-tiada-hak-pertikai-unisel-1.41034>)

SHAH ALAM – Angkatan Muda Keadilan (AMK) mempertikaikan kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin yang mempersoalkan mengapa pendidikan percuma tidak diberikan di Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis), kelolaan Kerajaan Negeri Selangor.

Timbalan Pengarah Biro Mahasiswanya, Muhamad Affandi Abdul Malik berkata, kenyataan menteri itu menggambarkan kelemahan kementerian beliau memahami kedudukan Unisel dan Kuis yang beroperasi sebagai universiti swasta serta kedudukan terhad kewangan kerajaan negeri.

“Biro mahasiswa juga ingin menarik perhatian umum mengenai isu penubuhan Unisel yang menjadi bebanan besar dan terpaksa ditanggung hingga kini.

“Kontrak pembinaan universiti yang diberikan atas dasar 'Build Operate Transfer' (BOT) selama 20 tahun menyebabkan setiap bulan pihak universiti terpaksa membayar hampir RM300,000 untuk kos sewa bangunan setiap bulan,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau mendakwa, syarikat yang menerima projek ini, Jana Niaga Sdn Bhd merupakan milik keluarga dan kroni kepada bekas Menteri Besar Selangor, Dr Khir Toyo.

Muhamad Affandi yang juga bekas Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Unisel Sesi 2008-2009 juga mendakwa, dengan keadaan bangunan yang tidak sempurna, pihak universiti terpaksa menanggung kos baik pulih sehingga ratusan ribu ringgit.

Katanya, bangunan asrama yang didiami pelajar kini baru menerima sijil layak menduduki (CF) selepas pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor.

“Pinjaman berjumlah RM150 juta yang dibuat Unisel sebelum Pilihan raya Umum (PRU) ke-12 pada 2008 yang dibuat kononnya untuk fasiliti dan penambahbaikan universiti juga lesap selepas pilihan raya.

“Perjanjian pinjaman dengan bayaran balik bulanan RM2 juta sebulan ini akhirnya ditanggung oleh pihak universiti dan kerajaan negeri Pakatan Rakyat Selangor,” katanya.

Ujar beliau, fakta ini jelas membuktikan sikap pemimpin Umno yang hipokrit sedangkan ketika mereka berkuasa di Selangor institusi pendidikan tinggi ‘dilacurkan’ demi kepentingan peribadi.